



## PEKELILING KETUA PENGARAH PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA BILANGAN 3 TAHUN 2013

---

### PENJENISAN KILANG PAPAN DAN KILANG KERJA KAYU/PERABOT DAN SYARAT-SYARAT PEMBINAANNYA

---

#### 1.0 TUJUAN

- 1.1 Pekeliling ini adalah bertujuan mentakrifkan semula penjenisan kilang papan (kelas A dan B) dan kilang kerja kayu/perabot (kelas C).
- 1.2 Pekeliling ini memberi garis panduan untuk menimbang permohonan kilang-kilang yang sedia ada atau baru serta menentukan syarat-syarat membina dan menjalankan kilang.

#### 2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Di bawah Pekeliling KPP Bil. 2/76, kilang-kilang papan dan kilang-kilang kerja kayu/perabot dikelaskan kepada tiga kategori seperti berikut:-
  - i) Kelas A – kilang papan yang tidak dikenakan syarat had ukuran diameter kayu balak yang boleh dipotong;
  - ii) Kelas B – kilang papan balak kecil yang dihadkan memotong kayu bulat kecil dengan kedalaman maksima pemotongan berukuran 460mm (18 inci); dan

- iii) Kelas C – kilang kerja kayu/perabot yang mengeluarkan produk dalam bentuk siap atau separuh siap. Gergaji gelong yang mempunyai takal berukuran diameter maksimum 760mm (30 inci) adalah memadai.
- 2.2 Di bawah Pekeliling KPP Bil. 3/83, terdapat pindaan kepada Pekeliling KPP Bil. 2/76 berkenaan kilang kerja kayu/perabot (kilang kelas C) iaitu kilang kelas C telah ditakrifkan semula dengan mengadakan peruntukan supaya kilang yang sesuai dibenarkan memotong kayu getah.
- 2.3 Setelah Pekeliling KPP Bil. 2/76 dan Pekeliling KPP Bil. 3/83 dikuatkuasakan, beberapa masalah telah timbul dan perkembangan seperti berikut telah berlaku di sektor industri berasas kayu:-
  - i) Kebanyakan negeri telah memberi kelonggaran syarat untuk membolehkan kilang papan kelas B memproses kayu balak berukuran lebih daripada 460mm (18 inci). Keputusan telah diambil tanpa penyelarasan dan kelonggaran yang diberi adalah tidak seragam diantara negeri dan juga antara kilang di dalam satu negeri;
  - ii) Oleh yang demikian had saiz dan kedalaman potongan gergaji yang ditetapkan dalam Pekeliling KPP Bil. 2/76 telah tidak dipatuhi;
  - iii) Kenaikan taraf daripada kilang kerja kayu/perabot kelas C kepada kilang papan kelas B dan kilang papan kelas B kepada kilang papan kelas A telah meningkat;

- iv) Terdapat permohonan daripada kilang kerja kayu/perabot kelas C untuk mendapatkan kelulusan memotong kayu balak bagi kegunaan sendiri; dan
  - v) Kebenaran diberi kepada kilang kerja kayu/perabot kelas C sediada/baru untuk memotong kayu jaras berukuran 300mm (12 inci) perepang ke bawah dan panjang kurang daripada 1.8 meter.
  - vi) Terdapat permohonan daripada kilang-kilang kerja kayu dan kelulusan diberikan untuk operasi atau mendirikan kilang khas memotong kayu getah dengan pemasangan gergaji gelong yang mempunyai takal berukuran diameter 1220 mm (48 inci) dan mesin –mesin lain.
- 2.4 Disebabkan perkembangan tersebut telah terkeluar daripada fungsi dan syarat-syarat yang ditetapkan oleh Pekeliling KPP Bil. 2/76 dan Pekeliling KPP Bil. 3/83, maka Pekeliling-Pekeliling tersebut telah dikaji semula sesuai dengan keadaan semasa untuk diselaraskan di semua negeri di Semenanjung Malaysia.

### 3.0 PENJENISAN KILANG PAPAN DAN SYARAT-SYARAT PEMBINAANNYA.

- 3.1 Dalam Pekeliling ini, kilang papan tidak lagi dikelaskan sebagai kilang papan kelas A dan kilang papan kelas B, sebaliknya dikenali sebagai **Industri Pemprosesan Utama**. Industri ini adalah terdiri daripada kilang papan, kilang venir dan kilang papan lapis (rujuk **Lampiran A**) yang menggunakan kayu balak sebagai bahan mentah. Kilang papan adalah merupakan industri pemprosesan utama yang tertua di negara ini yang memproses kayu balak untuk dijadikan kayu gergaji sementara kilang

venir dan kilang papan lapis pula memproses kayu balak untuk menghasilkan venir dan papan lapis.

- 3.2 Kilang-kilang ini tidak lagi dikenakan had pemotongan ke atas ukuran saiz balak yang boleh dipotong dan bebas memotong apa juga saiz dan jenis kayu balak dari sumber yang sah.
- 3.3 Kayu-kayu gergaji yang dikeluarkan oleh kilang papan ini boleh dijual untuk pasaran tempatan atau eksport, tertakluk kepada syarat-syarat dan peraturan, jika ada, yang dikenakan oleh Jabatan Kerajaan atau agensi-agensi Kerajaan lain.
- 3.4 Kemudahan-kemudahan dan alat-alat gergaji perlu memenuhi piawaian minimum dari segi kecekapan supaya hasil kayu-kayu gergaji yang dikeluarkan, terutamanya untuk pasaran eksport adalah berkualiti.
- 3.5 Bilangan, saiz dan jenis gergaji yang boleh diguna oleh sesbuah kilang papan adalah dihadkan supaya dapat memberi pembatasan ke atas daya pengeluaran (*production capacity*) bagi kepentingan penggunaan sumber hutan yang rasional.
- 3.6 Pelesen kilang papan dikehendaki menyelenggarakan satu buku log bagi kayu balak yang dibawa masuk ke kawasan kilang yang mengandungi perkara-perkara selain daripada butiran yang mungkin diperlukan oleh Pengarah Perhutanan Negeri dari semasa ke semasa seperti berikut:-
  - (a) Nombor Pas Pemindah
  - (b) Nombor Pengenalan balak
  - (c) Nama spesies dan saiz ukuran balak
  - (d) Tarikh balak dibawa masuk ke kilang
  - (e) Tarikh balak dipotong

(f) Tempat asal balak

- 3.7 Balak yang belum direkodkan butirannya di dalam buku log tidak dibenarkan dibelah atau berada di atas pelantar balak berhampiran gergaji pembelah atau mana-mana gergaji gelong.
- 3.8 Bagi kilang papan yang memotong kayu getah secara sepenuhnya, pelesen dikehendaki menyelenggara satu buku log bagi kayu getah yang dibawa masuk ke kawasan kilang yang mengandungi perkara-perkara selain daripada butiran yang mungkin diperlukan oleh Pengarah Perhutanan Negeri dari masa ke semasa seperti berikut:-
- (a) Nama spesies
  - (b) Tempat asal kayu getah
  - (c) Anggaran isipadu kayu getah
  - (d) Tarikh kayu getah dibawa masuk ke kilang
  - (e) Tarikh kayu getah dipotong
- 3.9 Pelan petunjuk kilang, tapak bangunan, rekabentuk bangunan dan susunatur mesin industri pemprosesan utama sedia ada/baru perlu dikemukakan ke Jawatankuasa Kilang Bahan Kayu, Ibu Pejabat Perhutanan Semenanjung Malaysia untuk pertimbangan dan kelulusan teknikal sebelum sesuatu lesen dikeluarkan.

#### **4.0 PENJENISAN KILANG KERJA KAYU/PERABOT DAN SYARAT-SYARAT PEMBINAANNYA.**

- 4.1 Dalam Pekeliling ini, kilang kerja kayu/perabot tidak lagi dikelaskan sebagai kilang kelas C, sebaliknya dikenali sebagai **Industri Pemprosesan Hiliran**. Industri ini terdiri daripada industri berasas kayu yang menggunakan bahan mentah selain daripada kayu balak bulat

dalam operasi pengeluarannya dan menghasilkan barangan siap dan separuh siap seperti kilang perabot, kayu kumai, kerja kayu, papan gentian, papan bongkah, papan serpih/serpai, papan simen kayu, loji tanur pengering dan loji pengawetan (rujuk **Lampiran A**). Kilang-kilang ini perlulah mempunyai susun atur mesin yang bersesuaian dengan produk yang dikeluarkan.

- 4.2 Keperluan bahan-bahan kayu gergaji bagi industri seumpama ini biasanya diperolehi dari kilang papan dan juga dengan cara meracik semula kayu-kayu gred tempatan, reja-reja kayu, kayu sayong dan sebagainya. Industri ini mungkin memerlukan kemudahan gergaji untuk meracik. Bagi tujuan ini, had maksimum gergaji gelong yang mempunyai takal berukuran diameter 760 mm (30 inci) adalah memadai.
- 4.3 Pelesen industri pemprosesan hiliran yang memproses dan meracik semula kayu-kayu gred tempatan, reja-reja kayu, kayu sayong dan sebagainya dikehendaki menyelenggarakan satu buku log bagi kayu-kayu gred tempatan, reja-reja kayu, kayu sayong dan sebagainya yang mengandungi perkara-perkara selain daripada butiran yang mungkin diperlukan oleh Pengarah Perhutanan Negeri dari semasa ke semasa seperti berikut:-
  - a. Nombor Resit Pembelian/Dokumen Kontrak.
  - b. Anggaran isipadu kayu gergaji/kayu reja/sayong.
  - c. Tarikh kayu gergaji/kayu reja/sayong dibawa masuk ke kilang.
  - d. Tarikh kayu gergaji/kayu reja/sayong dipotong.
  - e. Tempat asal kayu gergaji/kayu reja/sayong.
- 4.4 Gergaji gelong yang saiznya lebih daripada 760 mm (30 inci) adalah dibenarkan tetapi dengan syarat tujuan rekabentuk dan buatan istimewa

menghadkan kegunaannya untuk keistimewaan tersebut sahaja dan tidak digunakan untuk memotong kayu balak.

- 4.5 Industri pemprosesan hiliran sedia ada/baru dibenarkan memotong kayu getah, kayu jaras dan kayu balak pendek (panjangnya kurang daripada enam (6) kaki) kepada kayu gergaji untuk kegunaan sendiri dalam pembuatan barang siap/separuh siap tertakluk kepada syarat-syarat tambahan daripada Pengarah Perhutanan Negeri.
- 4.6 Pelesen industri pemprosesan hiliran sedia ada/baru yang memotong kayu getah, kayu jaras dan kayu balak pendek dikehendaki menyelenggarakan satu buku log bagi kayu getah, kayu jaras dan kayu balak pendek yang dibawa masuk ke kawasan kilang yang mengandungi perkara-perkara selain daripada butiran yang mungkin diperlukan oleh Pengarah Perhutanan Negeri dari semasa ke semasa seperti berikut:-
  - (a) Nombor Pas Pemindah.
  - (b) Nombor Pengenalan balak.
  - (c) Nama spesies dan saiz ukuran balak.
  - (d) Tarikh balak dibawa masuk ke kilang.
  - (e) Tarikh balak dipotong.
  - (f) Tempat asal datangnya balak.
- 4.7 Kayu getah, kayu jaras dan kayu balak pendek yang belum direkodkan butirannya di dalam buku log tidak dibenarkan dibelah atau berada di atas pelantar balak berhampiran gergaji pembelah atau mana-mana gergaji gelong.
- 4.8 Permohonan dari industri pemprosesan hiliran sedia ada/baru untuk memotong kayu balak bulat boleh diberi pertimbangan atas dasar individu yang telah menubuhkan industri pemprosesan hiliran dan mengeluarkan

barangan kayu siap/separuh siap dalam isipadu yang banyak dengan syarat-syarat seperti berikut:-

- i) Semua kayu gergaji yang dipotong mestilah untuk kegunaan sendiri bagi membuat barangan siap/separuh siap. Jualan kayu gergaji untuk pasaran tempatan/eksport sama sekali tidak dibenarkan.
  - ii) Daya pengeluaran kayu gergaji mestilah seimbang dengan daya pemprosesan hiliran. Jumlah kayu balak bulat yang dibenarkan diproses hendaklah dihadkan kepada keperluan kilang sendiri sahaja.
  - iii) Hanya gergaji gelong dengan saiz maksimum 900mm (36 inci) dibenarkan untuk memotong kayu balak bulat tertakluk kepada syarat-syarat tambahan yang ditetapkan oleh Pengarah Perhutanan Negeri ; dan
  - iv) Saiz dan bilangan gergaji gelong yang dibenarkan mestilah dihadkan mengikut keperluan bahagian pemprosesan hiliran.
- 4.9 Industri pemprosesan hiliran sedia ada/baru yang dibenarkan untuk memotong kayu balak bulat, dikehendaki menyelenggarakan satu buku log bagi kayu balak bulat yang dibawa masuk ke kawasan kilang yang mengandungi perkara-perkara selain daripada butiran yang mungkin diperlukan oleh Pengarah Perhutanan Negeri dari semasa ke semasa seperti berikut:-
- (a) Nombor Pas Pemindah
  - (b) Nombor Pengenalan balak
  - (c) Nama spesies dan saiz ukuran balak

- (d) Tarikh balak dibawa masuk ke kilang
  - (e) Tarikh balak dipotong
  - (f) Tempat asal datangnya balak
- 4.10 Kayu balak bulat yang belum direkodkan butirannya di dalam buku log tidak dibenarkan dibelah atau berada di atas pelantar balak berhampiran gergaji pembelah atau mana-mana gergaji gelong.
- 4.11 Permohonan daripada industri pemprosesan hiliran sedia ada/baru yang bertujuan semata-mata untuk memotong kayu balak bulat kepada kayu gergaji untuk dijual dalam pasaran tempatan/eksport tidak harus diberi pertimbangan.
- 4.12 Pelan petunjuk kilang, tapak bangunan, rekabentuk bangunan dan susunatur mesin industri pemprosesan hiliran sedia ada/baru yang memotong kayu getah, kayu jaras, kayu balak pendek dan yang diberi kebenaran untuk memotong kayu balak bulat perlu dikemukakan ke Jawatankuasa Kilang Bahan Kayu, Ibu Pejabat Perhutanan Semenanjung Malaysia untuk pertimbangan dan kelulusan teknikal sebelum sesuatu lesen dikeluarkan.
- 4.13 Industri pemprosesan hiliran kebanyakannya tidak memotong balak dan berskala kecil dengan hanya dilengkapi dengan beberapa unit mesin kerja kayu. Oleh itu, sebagai rujukan kepada Pengarah Perhutanan Negeri permohonan baru/tambah mesin tiga (3) unit atau kurang mesin hiliran (selain daripada gergaji gelong) daripada industri pemprosesan hiliran sedia ada/baru, tidak perlu mengemukakan pelan petunjuk kilang, tapak bangunan, rekabentuk bangunan dan susunatur mesin kepada Jawatankuasa Kilang Bahan Kayu, Ibu Pejabat Perhutanan Semenanjung Malaysia untuk nasihat teknikal. Pengarah Perhutanan Negeri boleh meluluskan permohonan sedemikian dan perlu mengemukakan satu

salinan lesen yang telah dikeluarkan ke Ibu Pejabat Perhutanan untuk makluman dan rekod.

- 5.0 Tapak tempat sesuatu industri berasas kayu yang akan didirikan atau dikendalikan hendaklah diperolehi daripada pihak-pihak berkuasa yang relevan atau tuan punya tanah dan hendaklah pada setiap masa mematuhi semua peraturan yang berkaitan dengan tanah tempat terletaknya industri itu.
- 6.0 Bagi industri berasas kayu yang tidak beroperasi melebihi dua (2) tahun, proses pembatalan lesen hendaklah dilaksanakan setelah mendapat kelulusan dari Pihak Berkuasa Negeri.

## 7.0 PENGUATKUASAAN

- 7.1 Pekeliling ini berkuatkuasa serta merta dan terpakai di semua negeri di Semenanjung Malaysia.
- 7.2 Dengan demikian Pekeliling KPP Bil. 2/76 dan Pekeliling KPP Bil. 3/83 adalah dibatalkan.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“HUTAN UNTUK KESEJAHTERAAN MASYARAKAT”**

**“JPSM BERWAWASAN”**

**“1 MALAYSIA, RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN”**

Saya yang menurut perintah,



(**DATO' PROF. DR. HJ. ABD. RAHMAN BIN HJ. ABD. RAHIM**)

Ketua Pengarah Perhutanan  
Semenanjung Malaysia.

Bertarikh: **13** Februari 2013

## LAMPIRAN A

### A. Industri Pemprosesan Utama

1. (i) Kilang Papan  
(ii) Kilang Papan Bergerak
2. (i) Kilang Venir  
(ii) Kilang Papan Lapis

### B. Industri Pemprosesan Hiliran

3. (i) Loji Tanur Pengering  
(ii) Loji Pengawetan
4. (i) Kilang Perabot  
(ii) Kilang Kayu Kumai  
(iii) Kilang Kerja Kayu  
(iv) Kilang Lantai Parket  
(v) Kilang Kotak Kayu, Pak dan Pallet  
(vi) Loji Komponen-Komponen Bangunan Kayu Siap Dulu
5. (i) Kilang Papan Blok / Kilang Papan Bilah / Kilang Papan Berlapis  
(ii) Kilang Papan Serpih / Kilang Papan Serpai  
(iii) Kilang Papan Gentian  
(iv) Kilang Papan Tatal Kayu / Kilang Papan Simen Kayu  
(v) Kilang Papan Wafer / Kilang Papan Flake
6. Kilang Pulpa dan Kertas
7. (i) Loji Cebis Kayu  
(ii) Loji Tepung Kayu
8. (i) Tanur Arang  
(ii) Loji Kayu Briket
9. Kilang Mancis
10. (i) Loji Penyulingan Kayu  
(ii) Loji Hidrolisis Kayu  
(iii) Kilang Pulpa Rayon
11. Kilang Buluh
12. Kilang Rotan